

D362

UB463 DEB
MAHATHIR - MIC

KUALA LUMPUR, 16 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERHARAP PEMIMPIN MIC BERUSAHA MENGUKUHKAN SEMULA PERPADUAN DALAM PARTI ITU SELEPAS TAMATNYA PEMILIHAN PRESIDEN PARTI SEMALAM.

SAMBIL MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA DATUK SERI S. SAMY VELLU ATAS KEMENANGANNYA, PERDANA MENTERI BERKATA, MIC PERLU MERAPATKAN BARISAN MEREKA SEBAGAI SEBUAH PARTI UNTUK BEKERJASAMA DALAM BARISAN NASIONAL.

+SAYA HARAP MEREKA AKAN MERAPATKAN BARISAN MEREKA SEMULA SEBAGAI SEBUAH PARTI DAN MENGUKUHKAN PARTI ITU UNTUK BEKERJASAMA DALAM BN, + KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT PAMERAN +MEMAHAMI MALAYSIA+ DI ARAS 4, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi BN BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS KEMENANGAN MENTERI TENAGA, TELEKOM DAN POS ITU DALAM PEMILIHAN PRESIDEN PARTI ITU. BELIAU MENEWASKAN LAPAN CALON LAIN TERMASUK TIMBALAN PRESIDEN DATUK S. SUBRAMANIAM YANG JUGA TIMBALAN MENTERI PERTANIAN.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MENEKAN BUTANG UNTUK MENYALAKAN LAMPU PADA SEBUAH PETA, YANG BERUKURAN EMPAT METER KALI DUA-SETENGAH METER DI PINTU MASUK DEWAN PAMERAN, YANG MENUNJUKKAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA KOMANWEL. -- LAGI.

1447MST 16 10 89

D363

U B464 DEB
MAHATHIR - MIC 2 KUALA LUMPUR

SEMASA LAWATAN LEBIH SEJAM ITU, PERDANA MENTERI MENELITI BARANG-BARANG PAMERAN DI SETIAP GERAI. YANG TURUT HADIR IALAH TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN DATUK KOK WEE KIAT DAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DATUK HAJI AHMAD SARJI.

SEBANYAK 37 BUAH GERAI YANG MEMPAMERKAN PELBAGAI KELUARAN DAN MAKLUMAT MENGENAI MALAYSIA DIDIRIKAN. PAMERAN ITU YANG DIADAKAN SEMPENA MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM), AKAN BERLANGSUNG SEHINGGA 26 OKT.

PAMERAN ITU DIBUKA KEPADA ORANG RAMA IMULAI 25 OKT. -- BERNAMA.
1448MST 16 10 89